

Headline	RM130 juta kos subsidi haji tahun ini		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	10 Jul 2014	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	178,211
Page No	3	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	282 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,625
Frequency	Daily	PR Value	RM 16,875



RM130 juta kos subsidi haji tahun ini

KUALA LUMPUR 9 Julai - Lebih RM130 juta telah dibelanjakan oleh Lembaga Tabung Haji bagi menampung kos pemberian subsidi kepada 22,320 jemaah haji negara pada tahun ini.

Menurut Ahli Lembaga Pengarah Tabung Haji, **Tan Sri Hashim Meon**, badan tersebut telah mengeluarkan pembiayaan RM6,175 kepada setiap jemaah bagi membantu menampung kos keseluruhan untuk menunaikan fardu haji tahun ini.

"Program tanggungjawab sosial korporat kami yang paling utama adalah pemberian subsidi haji kepada jemaah negara pada setiap musim haji demi memastikan keselamatan dan keselesaan mereka ketika menunaikan rukun islam kelima itu.

"Walaupun kos sebenar haji meningkat saban tahun, kita terus memberikan subsidi kepada para

jemaah bagi mengekalkan bayaran untuk menunaikan haji pada harga RM9,980 seorang,"katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Majlis Sumbangan Zakat Projek Ehsan Tabung Haji Peringkat Negeri Selangor 2014/1435H di Kelana Jaya dekat sini hari ini.

Dalam majlis tersebut, 252 golongan asnaf termasuk warga emas dan orang kurang upaya menerima bantuan zakat berjumlah RM130,000 di bawah program Ehsan Tabung Haji.

Dalam majlis tersebut juga, Hashim turut menyerahkan cenderamata kepada lapan orang asnaf yang menerima bantuan membaik pulih kediaman melalui Projek Baiti TH berjumlah RM450,000.

Dalam pada itu, Hashim berkata, Tabung Haji turut menyasarkan agihan zakat sebanyak RM1.7 juta kepada lebih 3,000 golongan asnaf di seluruh negara pada tahun ini.

"Agihan zakat melalui program Ehsan ini dianjurkan pada setiap bulan Ramadan untuk mengeratkan ikatan silaturahmi di samping membantu meringankan beban yang dihadapi oleh komuniti setempat," katanya.

Sementara itu, salah seorang penerima bantuan pada majlis tersebut, suri rumah, **Ani Maizurah Abdullah**, 25, melahirkan rasa syukur dengan sumbangan yang diterima.

"Ramadan tahun ini lebih bermakna apabila saya menerima rumah baharu melalui Projek Baiti selepas lebih tujuh tahun menanti untuk memiliki kediaman sendiri.

"Selepas ini saya tidak perlu lagi menumpang di rumah saudara mara dan dapat membesarkan empat anak saya dengan lebih selesa. Saya amat berterima kasih kepada Tabung Haji di atas pemberian ini," katanya.



HASHIM Meon (tiga dari kiri) beramah mesra dengan penerima sumbangan zakat Projek Baiti TH dalam Majlis Sumbangan Zakat Projek Ehsan TH Peringkat Negeri Selangor Tahun 2014 di Dewan Melawati, TH Hotel Kelana Jaya, semalam. Turut bersama Pengarah Tabung Haji Negeri Selangor, **Aishah Abdul Samad** (empat dari kiri). - UTUSAN/MOHD. AZIM ABD RAHMAN